

PRAKATA

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, program Health Competition “Raising Awareness on Rare Disease and Mental Health” anjuran UiTM dengan kerjasama Pfizer Sdn. Bhd. berjaya diadakan. Program seperti ini merupakan peluang terbaik untuk membuka ruang kepada masyarakat untuk turut serta dalam pertandingan yang dianjurkan seterusnya meningkatkan pengetahuan mereka berkenaan kedua-dua penyakit tersebut. Di samping itu, program ini menjadi landasan yang sesuai untuk mempromosi, memberikan pengetahuan dan khidmat nasihat kepada masyarakat umum tentang penyakit berkaitan serta kepentingannya, pada masa yang sama membantu mengurangkan stigma negatif dalam kalangan masyarakat.

Didapati bahawa tahap kesedaran awam terhadap penyakit jarang jumpa dan kesihatan mental ini masih rendah. Oleh itu sudah tiba masanya, perhatian dan kesedaran yang sewajarnya diberikan kepada orang ramai supaya lebih cakna dengan kepelbagaian penyakit yang wujud yang mana ia boleh hadir dalam pelbagai keadaan tidak kira umur, gender atau bangsa. Inisiatif berterusan juga haruslah dilaksanakan dalam meningkatkan kesedaran serta pemahaman mengenai penyakit jarang jumpa dan yang berkaitan kesihatan mental agar langkah pencegahan dan rawatan yang terbaik dapat diberikan kepada mereka yang memerlukan.

Misi Kementerian Kesihatan adalah untuk berkongsi maklumat berkaitan hal ehwal kesihatan, membantu serta memberi sokongan kepada masyarakat. Ia bertujuan supaya masyarakat mampu mencapai potensi kesihatan yang sepatutnya serta menghargai kesihatan sebagai suatu aset yang bernilai dan mengambil tindakan positif demi memperbaiki dan mengekalkan status kesihatan bagi menikmati kualiti kehidupan yang lebih baik. Penyertaan daripada semua sektor yang melibatkan bidang penjagaan kesihatan juga haruslah diberikan keutamaan demi terus memacu pertumbuhan sektor ini bagi meningkatkan akses rakyat kepada penjagaan kesihatan yang lebih dinamik dan berkualiti tinggi.

Akhir kata, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan program ini. Diharapkan program

seumpama ini apat diteruskan pada masa-masa yang akan datang dalam usaha untuk memperbaiki serta mempertingkatkan nilai kesihatan dan kesejahteraan seluruh masyarakat.

Sekian, terima kasih.

YB. Dr. Zaliha binti Mustafa

Menteri Kesihatan Malaysia